

PUTRAJAYA

PCB.270888: PENCEMARAN SUNGAI OLEH SISA BUANGAN DARI AKTIVITI PEMBAKARAN KHINZIR DI PREMIS KEDIAMAN KAMPUNG DESA AMAN, SUNGAI BULOH, SELANGOR DARUL EHSAN

29 November 2021 - Aduan diterima melalui e-mel pengadu kepada pihak Biro Pengaduan Awam memaklumkan aktiviti penghantaran/pembakaran khinzir masih berlaku dan memerlukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan. Kesalahan yang disyaki berlaku adalah seperti berikut:

- i. Penyalahgunaan premis kediaman bagi tujuan aktiviti perniagaan komersil iaitu pemprosesan haiwan sembelihan dan penyediaan makanan untuk dijual;
- ii. Pembuangan sisa-sisa penyembelihan/pembakaran khinzir ke dalam sungai berdekatan;
- iii. Kacau ganggu bunyi bising dan bau dari aktiviti yang dijalankan kepada jiran bersebelahan;
- iv. Pembinaan struktur tambahan di kawasan belakang rumah iaitu di atas Tanah Rizab Kerajaan.



Aktiviti penghantaran haiwan sembelihan ke premis kediaman bagi tujuan pemprosesan.

Tindakan Penyelesaian

Sesi libat urus bersama MPS, Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Gombak dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BPA dan dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Aduan) BPA, Pengarah (Aduan), BPA serta BPA Selangor diadakan pada 9 Disember 2021. Sehubungan itu, lawatan tapak di lokasi aduan, tindakan sita dan arahan menghentikan operasi serta merta diadakan pada 17 Disember 2021 dan satu Notis Kesalahan Pendudukan Secara Tidak Sah di Atas Tanah Kerajaan Bil.(3) PTG.(PK).20/1/2021SK10 dikeluarkan oleh PDT Gombak.

Pada 18 Februari 2022 telah diadakan satu perjumpaan Ketua Pengarah BPA bersama Yang Berbahagia Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor untuk memohon perhatian kepada kes dan tindakan yang berkesan bagi kes ini kerana aduan masih berulang. Operasi perobohan telah diadakan di lokasi aduan oleh PDT Gombak pada 28 Mac 2022 yang diketuai Timbalan SUK Selangor melibatkan anggota Polis Diraja Malaysia, MPS, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Gombak dan LUAS.



Operasi perobohan struktur tidak sah yang telah diadakan pada 28 Mac 2022